KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	02.03.22	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	TNB			

TNB, kerajaan negeri sepakat pelihara Skim Hidroelektrik Ulu Jelai

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan kerajaan negeri sepakat menjaga kawasan tadahan air Skim Hidroelektrik Ulu Jelai agar operasi stesen jana kuasa terbaharu di Cameron Highlands itu tidak terjejas dengan memastikan keseimbangan ekosistem di kawasan berkenaan terpelihara.

Kedua-dua pihak mencapai persetujuan dengan memeterai Perjanjian Skim Hidroelektrik Ulu Jelai yang turut memberi pendapatan kepada Kerajaan negeri melalui penggunaan sumber air untuk penjanaan tenaga elektrik.

Menteri Besar Pahang Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, terdapat peruntukan khas dalam perjanjian itu yang memastikan kedua-dua pihak menjaga kawasan tadahan dengan baik supaya dapat mengurangkan hakisan dan pemendapan sepanjang skim hidrolektrik ini beroperasi.

"Kewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tasik dan Kawasan Tadahan, atau Jawatankuasa Penasihat untuk Stesen Janakuasa Ulu Jelai, hendaklah sentiasa peka dan mengurus serta memulihara kawasan tadahan ini dengan sebaik-baiknya," katanya berucap di majlis menandatangani perjanjian berkenaan di sini, baru-baru ini.

Beliau bersama Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Takiyuddin Hassan serta Pengerusi TNB Datuk Seri Hasan Arifin kemudiannya menyaksikan acara memeterai perjanjian itu.